



KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

BILANGAN 4 TAHUN 2020

BANTUAN KHAS KEWANGAN BELANJAWAN TAHUN 2021 KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SEMBILAN

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Belanjawan 2021 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Menteri Besar Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun semasa sesi Pembentangan Belanjawan tahun 2021 di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang bertemakan "Merangsang Ekonomi, Memperkasakan Rakyat" bertarikh 27 November 2020.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya BKK Belanjawan 2021 dibayar sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri. Kadar BKK Belanjawan 2021 yang ditetapkan adalah sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00.

PELAKSANAAN

3. BKK Belanjawan 2021 ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat bersama Kerajaan Negeri Sembilan dalam tahun 2020 sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 dengan kadar setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Tarikh pembayaran BKK Belanjawan 2021 adalah pada 7 Januari 2021.

Pegawai Yang Layak

4. Pegawai yang layak dibayar BKK Belanjawan 2021 adalah seperti berikut:
- a. pegawai lantikan tetap, di bawah waran perjawatan negeri, lantikan sementara, *contract of service* dan *contract for service*
 - b. pegawai yang bercuti separuh gaji / tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2020;
 - c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan tetapi tidak sepanjang tahun 2020;
 - d. Pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya; dan
 - e. Pegawai yang telah bersara / meninggal dunia pada tahun 2020.

5. Bantuan Khas Kewangan sebanyak setengah bulan gaji purata atau minimum RM1,000.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2020.

Pegawai Yang Tidak Layak

6. Pegawai yang tidak layak dibayar BKK Belanjawan 2021 adalah seperti berikut:
- a. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tahun 2020;
 - b. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2020;
 - c. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2020;
 - d. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020; dan
 - e. pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2020.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian BKK Belanjawan 2021

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK Belanjawan 2021. Pegawai hanya layak dibayar BKK Belanjawan 2021 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

Syarat Pembayaran

8. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2020 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2020.

9. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan BKK Belanjawan 2021, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:

- a. gaji pokok/bayaran perkhidmatan;
- b. gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangku bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- c. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
- d. separuh daripada gaji pokok bagi pegawai bercuti separuh gaji.

10. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar masuk pada tahun 2020 layak dibayar BKK Belanjawan 2021 secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.

KAEDAH PENGIRAAN

11. BKK Belanjawan 2021 setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara/ bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2020, perkiraan BKK Belanjawan 2021 hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2020 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

13. Bagi pegawai berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2020, BKK Belanjawan 2021 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran C**.

14. Bagi pegawai tidak memilih skim pencen sektor awam yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2020, BKK Belanjawan 2021 setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran D**.

15. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service / contract for service* dan masih berkhidmat pada tahun 2020 layak dibayar BKK Belanjawan 2021 berdasarkan gaji bulan Disember 2020 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran E**.

16. Bagi Pekerja Sambilan Harian, BKK Belanjawan 2021 adalah sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM1,000.00 tertakluk kepada tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2020. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran F**.

17. BKK Belanjawan 2021 ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2020. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2020 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Bantuan Khas Kewangan.

JABATAN YANG MEMBAYAR

Pembayaran BKK Belanjawan 2021 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

18. Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2020, bayaran BKK Belanjawan 2021 adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

16 Disember 2020

**CONTOH PENGIRAAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN
BELANJAWAN 2021**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru (Lantikan Tetap dan Kontrak)

Puan Sharida telah dilantik sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 pada 1 April 2020 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,200.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 600.00	RM 1000.00	275 hari

$$\begin{aligned} &= {}^a \underline{\text{Setengah daripada Gaji Disember 2020}} \times {}^b \underline{\text{bil hari berkhidmat}} \\ &\quad @ \text{Min RM1000.00} \qquad \qquad \qquad {}^c 366 \\ \\ &= \text{RM} 1,000 \times \frac{275}{366} \\ \\ &= \mathbf{\text{RM } 751.36} \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 275 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru (Lantikan Tetap dan Kontrak)

Encik Faizal telah dilantik sebagai Penolong Jurutera Gred J29 pada 25 November 2020 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,878.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 1439.00	RM 1000.00	37 hari

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{@ \text{Min RM1000.00}} \\ &= \text{RM } 1,439.00 \times \frac{37}{366} \\ &= \mathbf{RM \ 145.47} \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 37 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 25 November 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2020

Puan Fauzan yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah diluluskan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2020 hingga 30 April 2020. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2020. Gaji pegawai pada Disember 2020 adalah sebanyak RM3,583.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat	Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG)
RM 1791.50	RM 1000.00	336 hari	30

$$\begin{aligned} &= \left\{ \begin{array}{l} {}^a \text{ Setengah daripada Gaji Dis. 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{d 366} \\ @ \text{Min RM1000.00} \end{array} \right\} + \left\{ \begin{array}{l} {}^a \text{ Setengah daripada Gaji Dis. 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari CSG}}{d 366} \\ @ \text{Min RM1000.00} \end{array} \right\} \\ &= \left\{ \text{RM } 1791.50 \times \frac{336}{366} \right\} + \left\{ \text{RM } 1791.50 \times \frac{30}{366} \right\} \\ &= \text{RM } 1644.65 + \text{RM } 146.84 \\ &= \textbf{RM } 1,791.49 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana lebih tinggi)

^b 336 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 31 Mac 2020 dan 1 Mei hingga 31 Disember 2020.

^c 30 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2020 hingga 30 April 2020

^d 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Mizan yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 Ogos 2020. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 November 2020. Gaji pegawai pada Disember 2020 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan 2021 sebanyak setengah bulan gaji atau kadar minimum RM1,000.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 November 2020.

Contoh 5: Pegawai Yang Telah Dikeluarkan Surat Pertuduhan

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Kamil yang berkhidmat sebagai Penghantar Notis Gred N11 telah dikeluarkan pada 10 Disember 2020. Walau bagaimanapun kes beliau masih belum dibawa bersidang oleh Lembaga Tatatertib. Gaji pegawai pada Disember 2020 adalah sebanyak RM2,053.00

Pegawai **ditangguhkan** dibayar Bantuan Khas Kewangan 2021 sehingga keputusan Lembaga Tatatertib dikeluarkan. Bergantung kepada keputusan tersebut, BKK akan hanya boleh dibayar kepada pegawai jika tidak dikenakan sebarang tindakan tatatertib atau tindakan amaran sahaja.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan.

Contoh 6: Pegawai bertukar masuk dari Jabatan Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun Negeri

Puan Suria telah bertukar masuk dari JAKIM Malaysia ke JHEAINS sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama mulai 1 Ogos 2020. Gaji Disember 2020 adalah RM3,594.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 1797.00	RM 1000.00	153 hari

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{@ \text{Min RM1000.00}} {}^c 366 \\ &= \text{RM } 1797.00 \times \frac{153}{366} \\ &= \text{RM } 751.20 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 153 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Ogos 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkkan gaji

Contoh 7: Pegawai Bertukar Keluar Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun Negeri

Encik Hamiza jawatan Pembantu Awam Gred H11 dan bertukar keluar dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan ke Kementerian Kerja Raya Malaysia mulai 23 Julai 2020 dengan gaji terakhir yang dibayar sebanyak RM1,980.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Akhir 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 990.00	RM 1000.00	204

$$= \frac{\text{a} \text{ Setengah daripada Gaji Disember 2020}}{\text{@ Min RM1000.00}} \times \frac{\text{b} \text{ bil hari berkhidmat}}{\text{c} 366}$$

$$= \frac{\text{RM } 1,000.00 \times 204}{366}$$

$$= \textbf{RM } 557.37$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 204 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkан gaji

CONTOH 8 : Pegawai Yang Telah Disahkan Kenaikan Pangkat

Puan Zeqna telah disahkan kenaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Mei 2020 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2020. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 1,756.22	RM 1000.00	121 hari (gred lama) 245 hari (gred baru) 366 hari

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{ Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{@ \text{Min RM1000.00}} {}^c \frac{366}{366} \\ &= \text{RM } 1756.22 \times \frac{366}{366} \\ &= \text{RM } 1,756.22 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 366 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Lampiran B

CONTOH 9 : Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat Secara Pemanukan

Encik Azmi telah dinaikkan pangkat secara Pemangkuan sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2020 dan belum menerima Surat Penyiaran Kenaikan Pangkat. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2020 di Gred F41 ialah RM3,890.00 dan elauan memangku RM250.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 2070.00 ($\frac{1}{2} \times \text{RM}3890.00 + \text{RM}250$)	RM 1000.00	366 hari

= ^a Setengah daripada Gaji Disember 2020 x ^b bil hari berkhidmat
@ Min RM1000.00 ^c 366

$$= \text{RM}2070.00 \times \frac{366}{366}$$

= RM 2,070.00

^a Ketetapan setengah bulan gaji (Gaji pokok + Elaun Memangku) ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 366 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melawatkan gaji.

CONTOH 10 : Pegawai Yang Diluluskan Pertukaran Secara Peminjaman / Pertukaran Sementara

Encik Bahri yang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 telah dipinjamkan ke Badan Kawal Selia Air dari 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2022 dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. Gaji pada bulan Disember yang diterima adalah RM5,936.00 termasuk Insentif Peminjaman.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 2968.00 (termasuk Insentif Peminjaman)	RM 1000.00	214

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{ Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{ {}^c \text{Min RM1000.00}} \\ &= \text{RM } 2968.00 \times \frac{214}{366} \\ &= \textbf{RM } 1,735.38 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji (Gaji pokok + Insentif Peminjaman) ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

CONTOH 11 : Pegawai Yang Bersara Pada Tahun 2020

Encik Aidil yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah bersara wajib pada 10 September 2020. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Akhir 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 1748.50	RM 1000.00	253

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{{}^b \text{bil hari berkhidmat}}{ {}^c \text{Min RM1000.00}} \\ &= \text{RM } 1748.50 \times \frac{253}{366} \\ &= \text{RM } 1,208.66 \end{aligned}$$

CONTOH 12 : Pegawai Yang Meninggal Dunia Pada Tahun 2020

Puan Mona yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 telah meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 15 Januari 2020. Gaji terakhir pegawai adalah RM 5,760.00.

Pegawai **tidak layak** dibayar Bantuan Khas Kewangan 2020 sebanyak setengah bulan gaji atau kadar minimum RM1,000.00 kerana tidak cukup perkhidmatannya sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2020.

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 253 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 9 September 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

CONTOH 13 : Pegawai Yang Tidak Memilih Skim Pencen Sektor Awam dan Bersara Pilihan Pada Tahun 2020

Puan Maria yang berkhidmat sebagai Penolong Juruaudit Gred W32 telah Bersara Pilihan pada 1 November 2020. Gaji terakhir pegawai adalah RM4,530.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Akhir 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 2265.00	RM 1000.00	305

$$\begin{aligned}
 &= {}^a \text{ Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{\text{bil hari berkhidmat}}{ {}^c 366} \\
 &= \text{RM } 2265.00 \times \frac{305}{366} \\
 &= \text{RM } 1,887.50
 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 305 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 31 Oktober 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Lampiran E

CONTOH 14 : Pesara Perkhidmatan Awam Yang Bersara dan Dilantik Semula Secara Kontrak Dan Yang Masih Berkhidmat Pada Disember 2020

Encik Lim telah bersara pada 5 Ogos 2020. Beliau seterusnya telah dilantik semula secara *contract of service* dari 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2021 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Gaji pegawai pada Disember 2020 adalah sebanyak RM5,936.00.

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Gaji Disember 2020	Pengiraan Min RM1000	Bilangan hari berkhidmat
RM 2968.00	RM 1000.00	366

$$\begin{aligned} &= {}^a \text{Setengah daripada Gaji Disember 2020} \times {}^b \frac{{}^b \text{bil hari berkhidmat}}{{}^c 366} \\ &= \text{RM } 2,968.00 \times \frac{366}{366} \\ &= \textbf{RM } 2,968.00 \end{aligned}$$

^a Ketetapan setengah bulan gaji ATAU RM1000.00 (mana yang lebih tinggi)

^b 366 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020

^c 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 15: Pekerja Sambilan Harian

Encik Zarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1 Ogos 2020 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	20	1,440.00
September	21	1,512.00
Oktober	21	1,512.00
November	21	1,512.00
Disember	20	1,440.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Bantuan Khas Kewangan bagi pegawai adalah seperti berikut:

Pengiraan $\frac{1}{2}$ daripada Purata Gaji	Pengiraan Min RM1000	Bilangan bulan berkhidmat
RM 741.60	RM 1000.00	5

$$\begin{aligned}
 &= {}^a \text{Setengah daripada Gaji Purata 2020} \times {}^b \text{bil bulan berkhidmat} \\
 &\quad @ \text{Min RM1000.00} \qquad \qquad \qquad {}^c 12 \\
 \\
 &= \text{RM } 1000.00 \times \frac{5}{12} \\
 \\
 &= \textbf{RM 416.66}
 \end{aligned}$$